

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Jelaskan **TIGA (3)** syarat penerimaan.

(6 markah)

- b. Azira mengiklankan tawaran hadiah sebanyak RM500 kepada sesiapa yang memulangkan dompetnya yang hilang di dalam akhbar Utusan Hairan. Semasa dalam perjalanan ke tempat kerja, Sharvina menjumpai dompet tersebut dan menyerahkannya kepada Azira tanpa mengetahui tawaran yang diiklankan oleh Azira. Keesokan harinya, Sharvina terbaca mengenai tawaran Azira dan menuntut hadiah yang ditawarkan. Malangnya, Azira enggan memberikan wang itu.

Nasihatkan Sharvina tentang tindakan yang perlu diambil oleh beliau.

(13 markah)

- c. Bagaimanakah tawaran balas boleh mempengaruhi pembentukan sesuatu kontrak?

(6 markah)

SOALAN 2

- a. Huraikan mengenai perjanjian sah, perjanjian batal, perjanjian boleh batal dan perjanjian yang tidak boleh dikuatkuasakan.

(10 markah)

- b. Mizi dan Syafiq telah memasuki kontrak jual beli muatan logam dari Indonesia. Muatan tersebut akan dibawa oleh kapal "Samudera". Tanpa pengetahuan kedua-dua pihak, ada dua kapal bernama "Samudera" yang akan berlayar dari Indonesia. Sebuah kapal akan berlayar pada bulan November manakala sebuah lagi akan berlayar pada bulan Disember. Mizi menyangka Syafiq mahu membeli logam yang dibawa oleh kapal yang berlayar pada bulan Disember, sedangkan Syafiq mahukan logam yang dibawa dalam pelayaran pada bulan November.

Nasihatkan mereka tentang tindakan yang boleh diambil berkaitan perkara di atas.

(15 markah)

SOALAN 3

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan ejensi secara tersirat?
(4 markah)
- b. Huraikan **LIMA (5)** tanggungjawab ejen terhadap prinsipal.
(10 markah)
- c. Nadiah mengarahkan Azwa untuk menjual keretanya pada harga RM50 000. Walau bagaimanapun, Azwa telah menjual kereta itu kepada Izzati pada harga RM40 000 atas namanya sendiri walaupun kereta itu dijual bagi pihak Nadiah. Nadiah kemudian enggan menyerahkan kereta tersebut kerana mendakwa tiada hubungan ejensi wujud di antara mereka.
- Nasihatkan Azwa tentang tindakan yang boleh diambil oleh beliau.
(11 markah)

SOALAN 4

- a. Seksyen 27 Akta Jualan Barang 1957 menyatakan bahawa jika barang dibeli daripada orang yang bukan pemilik sebenar, dan tidak menjualnya di bawah kuasa pemilik sebenar, maka pembeli tidak memperoleh sebarang hak milik. Walau bagaimanapun, peraturan ini tertakluk kepada beberapa pengecualian. Huraikan **LIMA (5)** pengecualian kepada peraturan am tersebut.

(10 markah)

- b. Maria membeli sepasang seluar *Lady* daripada Lady Jeans Sdn. Bhd. untuk dipakai pada hari jadinya. Sebaik sahaja memakai seluar tersebut, tiba-tiba kulitnya bertukar merah dan gatal-gatal. Maria mendapatkan rawatan perubatan. Nasihatkan Maria sama ada dia boleh memulakan tindakan undang-undang tehadap Lady Jeans Sdn. Bhd. atau tidak.

(15 markah)

[100 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT